'Entrok' merupakan kisah perempuan daripada dua generasi yang berdepan dengan segala penindasan dan ketidakadilan daripada masyarakat, negara dan bahkan orang agama. Namun 'Entrok' bukan tentang kepasrahan dan ketidakupayaan perempuan, melainkan rakaman kesungguhan si ibu dan anak untuk memahami persekitarannya dan bangkit menguasai serta menentukan hidup mereka. Marni membesarkan anak perempuannya, Rahayu, dengan harapan anaknya keluar daripada segala kesusahan yang dia hadapi tetapi justeru niatnya itu menjadikan mereka renggang dan menjauh akibat pelbagai tekanan sosial, politik dan ekonomi yang bertindan lapis hingga tidak menjadikan 'Entrok' sebagai novel emansipasi perempuan yang sarat dengan seruan-seruan pembebasan semata-mata. 'Entrok' merupakan pengkisahan masyarakat terbawah terhadap perubahan sosial yang berlaku dalam sejarah panjang masyarakat Indonesia pasca merdeka, khasnya ketika era Orde Baru. 'Entrok' juga dengan cermat memperihalkan pergelutan emosi dan fikiran perempuan daripada pelbagai sisi; anak perempuan yang menginjak usia remaja, mahasiswa yang penuh idealisme, ibu muda buta huruf yang cecal membangun keluarga, kekecewaan serta kerelaan isteri pertama dan kedua, juga nenek tua yang mendambakan seorang cucu.

Meskipun 'Entrok' tentang keterasingan antara dua generasi, 'Entrok' juga adalah tentang persamaan kezaliman dan kecekan antara dua generasi ini juga.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836056>

---

Antagonis / Irsyad Tarudin  
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022  
300p.  
9789672328995  
\$ 12.50 / PB  
254gm.

Hisyam Ahmad telah bercita-cita untuk menjadi penulis novel sejak kecil lagi. Pun begitu, seperti mana dugaan seseorang untuk mencapai kejayaan, halangan terbesar sudah pastilah dirinya sendiri. Sikap selalu berlengah dan lebih suka bermain game berbanding menulis membuatkan impiannya tampak samar-samar untuk dicapai. Namun pada suatu hari, dia terbangun dari tidur dan menyedari bahawa dia berada di dalam sebuah rumah agam yang asing. Menurut butlernya, Alfred, Hisyam baru terjaga dari koma selepas mengalami kemalangan beberapa bulan lalu. Akibat kemalangan itu, Hisyam langsung tidak ingat yang dia kini sudah bergelar penulis terkenal. Hisyam cukup gembira kerana mimpinya sudah menjadi kenyataan. Namun apabila watak-watak dalam novel tulisannya mula muncul satu demi satu dan melakukan kemusnahan, Hisyam tahu ada sesuatu yang tidak kena sedang berlaku.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836059>

---

Kabus / Fadhlin Sakina  
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022  
332p.  
9789672328971  
\$ 12.50 / PB  
300gm.

Sebaik berjaya menamatkan game KABUS yang dibeli abangnya, Peanut menerima satu e-mel jemputan untuk menyertai sebuah pertandingan game yang hanya terbuka kepada pemain yang telah menamatkan game tersebut. Tertarik dengan hadiah tunai sebanyak RM400,000 yang ditawarkan, Peanut dan abangnya Smokey yang turut menerima e-mel yang sama telah mengambil keputusan untuk menerima tawaran menarik itu. Malangnya, hadiah lumayan itu datang dengan syarat yang cukup ketat. Tiada jalan keluar dari permainan itu. Mereka perlu bermain secara avatar, yang bermaksud nyawa mereka menjadi taruhan. Mati dalam permainan itu bermakna mati selamanya. Bolehkah Peanut dan Smokey menempuhi cabaran yang menanti mereka dalam permainan maut itu?

<http://www.marymartin.com/web?pid=836061>

---

Unbox / Ariff Adly  
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022  
332p.  
9789672328957  
\$ 12.50 / PB  
290gm.

"Kita sekarang kat rumah Adam." Iqbal menyuarakan henfon ke arah Adam. "Okay bro say hi."

"Halu geng!" kata Adam sambil membuat isyarat peace senget ke tepi. Stylo habislah tu? Kemudian dia menghalakan kamera kepada Nadia dan Dira. Mereka meletakkan tangan di bahu masing-masing sambil membuat muka comel. Dira sempat mengenyitkan mata sebelum Iqbal mengalihkan henfon ke arahku.

"Yo," kataku ringkas, kemudian arahkan telunjuk ke arah kotak misteri.

"So kita sekarang kat rumah Adam, dia order mystery box dari dark web, and now we are going to unbox it," Iqbal memberikan naratif. "Nervous siot."

"Tau takpe," balasku.

Adam mula memotong pita pelekat dengan pisau butterfly miliknya...

<http://www.marymartin.com/web?pid=836064>

---

Rumah / Johan Malek

Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022

288p.

9789672328964

\$ 12.50 / PB

254gm.

Book Details:

Akmal jatuh pangsang sebaik mendapat berita bahawa ibu, ayah dan adiknya meninggal akibat kemalangan jalan raya. Sebaik sedar, dia tiba-tiba ketawa terbahak-bahak sehingga menimbulkan kehairanan petugas hospital yang merawatnya. Anehnya, Akmal tak faham kenapa dia tiba-tiba ketawa. Dia juga tidak boleh menangis atau bersedih walaupun sudah kehilangan seluruh keluarganya.

Tiga tahun selepas kemalangan itu, Akmal menjadi seorang penyendiri yang tidak suka keluar rumah. Biasanya dia cuma akan keluar rumah dua kali sebulan. Masanya dihabiskan dengan bermain game dan menonton filem. Namun semuanya berubah selepas dia mengenali Jasmin, seorang guru muzik. Awalnya Akmal resah, kerana dia rimas dengan cerita Jasmin yang tak habis-habis, sampai ada masanya dia rasa nak tampal selotep dekat mulut Jasmin supaya perempuan itu berhenti bercakap.

Jasmin memaksanya keluar dari tempat persembunyiannya, dan mula kembali berhadapan dengan masyarakat. Perlahan-lahan, Akmal kembali mengenali dunia yang selama ini sudah lama dia tinggalkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836066>

---

Platform / Arif Nordin

Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022

300p.

9789672328988

\$ 12.50 / PB

256gm.

Bagi Alfi, platform stesen tren hanyalah sebuah persinggahan sementara sebelum meneruskan perjalanan. Namun tiada siapa yang menyangka, ruang Platform 4 di sebuah stesen bawah tanah di tengah-tengah bandaraya itu menyimpan sebuah rahsia gelap yang tidak ramai orang tahu.

Perjalanannya hari itu telah memaksa Alfi kembali berhadapan dengan persoalan dan kenyaatan hidup yang cuba dia nafikan sejak berlakunya sebuah tragedi yang telah mengorbankan rakan-rakan baiknya beberapa bulan yang lalu. Mampukah Alfi membuat pilihan yang tepat, dan apa kaitan Platform 4 itu dengan pilihan yang akan dibuatnya?

<http://www.marymartin.com/web?pid=836067>

---

Tujuh / Firdaus MFD

Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022

272p.

9789672328926

\$ 12.50 / PB

228gm.

Bermula dengan penemuan sebuah kitab lama dalam almari arwah ibunya, Zariq bersama tiga rakan karibnya terjebak dengan misteri kehilangan penduduk Kampung Tanjung Sabang di sungai berhampiran.

Walaupun berasal dari kampung itu sendiri, Zariq tidak pernah suka duduk berlama-lama di rumah ibunya. Dia rasa seluruh kampung itu pelik. Dari jiran tetangga sehinggalah penduduk kampung itu, semuanya pelik. Kehilangan salah seorang penduduk kampung semasa keluar mengail udang juga seperti tidak dipedulikan sesiapa.

Diasak rasa ingin tahu, Zariq, Hanna, Hafiy dan Manuel berusaha menyiasat kejadian kehilangan itu. Tanpa disangka, tindakan mereka masuk campur dalam urusan orang kampung akhirnya mengundang malapetaka.

Apakah yang sebenarnya terjadi di kampung tersebut dan apakah kaitannya dengan kitab lama yang dijumpai Zariq itu?

<http://www.marymartin.com/web?pid=836068>

---

Punai / Asyraf Bakti

Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn Bhd, 2022

216p.

9789672328902

\$ 12.50 / PB

186gm.

Aku tengok apa yang dicadangkan oleh internet. Keluar satu iklan:

INGIN SEWA POKOK PISANG?

Tumbuh mekar di kawasan rahsia yang terjaga air anginnya, daun hijau bak Zainal Abidin, buahnya yang kalau untung badan, berbuah lebih dari dua kali dan jantung pisang yang lembut terjantai semestinya untuk anda yang menjaga kesihatan dalaman. Hanya RM10 sehari untuk pisang yang berkualiti.

Copywriting yang mantap tetapi agak melukakan hati aku dengan perkataan seperti terjantai dan pisang yang berkualiti. Aku tengok testimoni orang ramai yang menyewa pokok pisang dari brader pengiklan yang bernama Ali E.N itu. Rata-rata yang menyewa kebanyakannya dari pelatih tomoi atau produksi filem yang mahukan adegan di bawah pokok pisang. Tak sangka di dalam dunia ada bisnes sebegini rupa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836069>

---

Demi / Rina Azdi

Malaysia: Olive Drive Knowledge Ventures. 2020

333p.

9789671574102

\$ 12.45 / PB

" Jika takdir aku tertulis begini... aku rela menghadapi Ya Allah... hanya keluasan kasihMu dan jannahMu yang aku harapkan....

" SURAYA adalah seorang gadis cekal yang berperwatakan ceria. Dia merupakan cinta pertama ARMAN. Pada masa yang sama, Arman digilai teman rapat Suraya, Ima.

Ternyata cinta Arman tidak disedari Suraya. Suraya pula menaruh harapan pada teman rapatnya semenjak di bangku sekolah, Rashid.

Hati-hati yang tidak bertaut itu terlontar jauh dari satu sama lain. Takdir menemukan Suraya dengan Dr Fairul, seorang doktor muda kacukan Melayu dan Inggeris di bumi Scotland.

Novel ini berkisarkan kehidupan Suraya yang penuh pahit getir, ketulusan, kecekan, pengorbanan, perjuangan dan cinta... semuanya demi Nya yang satu... Setiap bait digarap sesempurna mungkin di dalam naskah ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=658843>

---

Covid 25 : Perjuangan Suci Baharu Bermula, Siri 2 / Mohd Daud Bakar

Kuala Lumpur: Amanie Media, 2022

335p.

9789672302414

\$ 16.00 / PB

Siri pertama novel bertemakan Covid 25 telah dicetak di bulan September 2020. Novel siri pertama bertajuk "Covid 25: Kapsul Kehidupan dan Makhluk Mistik".

Siri kedua ini membawa tema "Covid 25: Perjuangan Suci Baharu Bermula".

Novel ini adalah kesinambungan cerita yang telah berlaku dalam siri pertama. Berbeza dengan novel siri pertama, novel ini mula menceritakan konflik antara manusia dengan manusia.

Dalam novel pertama, makhluk mistik lagi aneh menjadi ancaman utama. Dalam novel kedua, makhluk mistik lagi ganas sudah kurang relevan dalam suasana konflik di bumi Malaysia sekitar tahun 2030 dan 2031. Memang manusia suka berkonflik sepanjang zaman.

<http://www.marymartin.com/web?pid=826154>

---

Kumpulan Puisi : Lelaki Berambut Rumput / Rahimidin Zahari

Siri Tokoh Puisi No. 3

Kuala Lumpur: Kata Pilar Books, 2022

109p.

9789672796060

\$ 11.50 / PB

<http://www.marymartin.com/web?pid=835037>

---

Kumpulan Puisi : Sudah Hampir Malam di Kyoto / Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh

Kuala Lumpur: Kata Pilar Books, 2022

189p.

9789672796077

\$ 12.50 / PB

<http://www.marymartin.com/web?pid=835039>

---

Kumpulan Cerpen : Bayang Sudah Pandai Mengejek / Zul Azlin

Kuala Lumpur: Kata Pilar Books, 2022

179p.

9789672796084

\$ 12.50 / PB

Bayang Sudah Pandai Mengejek mengumpulkan 14 cerpen tentang pelbagai watak dan identiti dalam mendepani bayang-bayang mereka. Omar yang membangunkan raksasa dalam tubuh isterinya Eva; Rafilus yang memilih untuk membunuh lembaga di ruang tamunya; Jin yang dibicarakan di mahkamah atas pertuduhan menjadikan manusia gila; atau Dr. Azy yang menjalankan terapi untuk pesakitnya secara senyap-senyap, menyelina dalam gelap malam.

Memanfaatkan kepakarannya dalam bidang psikiatri dalam fiksiyen, Zul Azlin menerokai dunia psyche manusia yang misteri, mendebarkan, dan ada kalanya, mengujakan.



Zul Azlin menulis pelbagai buku bukan fiksi, antaranya siri Aku Dijangkiti Kehidupan dan siri Himpunan Kes yang Tak Terlupakan bersama Kata-Pilar Books. Beliau merupakan penulis novel Majnun yang merupakan pemenang Sayembara Novel Fixi 2020.

<http://www.marymartin.com/web?pid=835040>

---

Kumpulan Cerpen : Seluruh Alam dalam Sebutir Debu / Saharil Hasrin Sanin

Kuala Lumpur: Kata Pilar Books, 2022

192p.

9789672014812

\$ 12.50 / PB

"...Keindahan ada dalam luka, dalam kehalusan benda-benda yang terbiar dipinggirkan. Tuhan tersalin ke seluruh alam, dalam secarik sinar matahari, dalam semilir angin, dalam secebis tanah, dalam sebintil debunga. Tuhan memang wujud dalam keindahan jalur pelangi, tetapi Dia juga wujud dalam titis air yang membentuk pelangi itu. Kita boleh melihat seluruh alam dalam sebutir debu. Dan dalam sebutir debu lantai yang halus tidak dipedulikan itu, ada Tuhan."

13 buah cerpen karya Saharil Hasrin Sanin dalam naskhah ini telah memenangi pelbagai hadiah sastera, dan membuktikan bahawa beliau kekal seorang tukang cerita yang ampuh. Dari kisah gerai penjaja alusmitai sehinggalah cinta ratusan batu di dasar Al-Aqsa, buku ini bakal membawa kita menjelajah ke pelusuk-rencam rasa: bahagia, dan luka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=835041>

---

Kumpulan Puisi : Bara Hujan / Rudi Mahmood

Kuala Lumpur: Kata Pilar Books, 2021

84p.

9789672014911

\$ 11.50 / PB

104gm.

hirisan tak mengusik dukaku di tanganmu,  
cinta seperti merebut berbilah perasaan,  
jangan kau lepaskan mimpi berkali mengulangi pisau ini hirisan terakhir,  
tangkai maut dan bingkai kubur bertaburan.

Bunyi hujan atau tetes gerimis sering saja membawa makna. Langit dan bumi, kubur-kubur dan kehidupan bergaul menjadi satu. Ada cinta bertebaran.

Bara Hujan membawa maksud hangat dan dingin. Demikian sajak-sajak dalam naskhah ini menjadi tanda kecintaan terhadap hidup dan mati. Dua hal yang bertentangan, namun saling melengkapkan.

Puisi-puisi Rudi Mahmood telah memenangi pelbagai hadiah sastera, antaranya Hadiah Sastera Perdana Malaysia dan Anugerah Sastera Kelantan. Bara Hujan merupakan naskhah puisi sulungnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=763646>

---

Dia Eliza : Tamak Dengan Cinta / Sufea Hareez

Malaysia: Idea Kreatif, 2022

1v.

9789672803232

\$ 13.50 / PB

Bertemu kembali dengan lelaki yang bernama Qhairil bagaikan satu sumpahan buat Eliza. Dulu, mereka terpisah kerana Qhairil terpaksa membuat pilihan.

"Let go of the past, Qhairil. I don't need your sorry" – Eliza.  
"Dulu I pernah kata, jika kita bertemu kembali, I takkan lepaskan you lagi." – Qhairil.  
Mereka masih saling mencintai. Tapi situasi tidak mengizinkan untuk mereka bersatu dengan mudah.  
"Jika kau jantan sejati, minta izin keluarga Eliza secara terhormat."- Badlan.  
Dulu dan sekarang, situasinya tetap sama, tanpa restu keluarga. Tapi cinta yang mengikat hati, menyatukan mereka. Detik bermulanya bahagia, saat itu jugalah datangnya dugaan.  
"Dari dulu I pesan, jangan mulakan dan kita akan hidup tenang. Tapi you mulakan juga." - Datin Latifah.  
Bila yang datang mahu memisahkan mereka adalah ibu Qhairil sendiri, sekali lagi Eliza meminta perpisahan.  
"Like it or not, you isteri I, E. No break. No more!." – Qhairil.  
"Are we going to be okay, Q?" – Eliza.  
"Don't overthink, just let it go, E. A true love story never ends." -Qhairil.  
Namun, bagaimana Eliza boleh bertenang jika yang muncul antara mereka adalah orang yang menjadi kisah silam Qhairil.  
"I don't ask much, Qhairil." – Tengku Dalilah.  
"I don't play with fire, Dalilah." – Qhairil.  
Siapa sebenarnya Tengku Dalilah dan apa yang diminta oleh wanita itu?  
Adakah Qhairil mampu menepis semua dugaan demi membahagiakan Eliza?  
<http://www.marymartin.com/web?pid=833706>

---

Cinta Irene : Mencuba Untuk Bahagia / Illa Shanahila  
Malaysia: Idea Kreatif, 2022

1v.  
9789672803225  
\$ 12.50 / PB

Berkahwin di bumi asing tanpa pengetahuan keluarga, itu yang mereka lakukan. Admund melamar dan Irene terima, cukup mudah. Tapi, kehidupan tak mungkin akan semudah itu buat mereka.  
"Kita tak patut kahwin, Ed." - Irene  
"Kita dah kahwin pun, Irene." - Admund  
Bila rahsia mereka terbongkar dan Admund berdepan dengan tekanan, Irene meminta perpisahan demi kebaikan semua.  
"I tak sangka you sanggup tipu I dan keluarga, Ed." – Cecilia.  
"I akan perbetulkan semuanya." – Admund.  
"Not that easy, Ed." – Cecilia.  
Kerana janji keluarga yang termetri, Admund terpaksa lepaskan Irene pergi. Dia terpaksa, bukan atas kerelaan.  
"Tolong jaga dia untuk aku, Jian." Admund.  
"What's next, Ed. Takkan kau sanggup biarkan dia pergi macam tu?" – Jian.  
"Aku sangat sayangkan dia, Jian. Tapi jika aku batalkan dengan Cecilia, keluarga kita akan terima akibatnya."  
Tiada yang pudar walau mereka terpisah jauh. Bila tahu wujudnya zuriat mereka di rahim Irene, beribu batu Admund sanggup redah.  
"Kenapa you datang?" – Irene.  
"I nak hidup bersama you, bersama anak kita." – Admund.  
"Dia tetap anak you walaupun kita berpisah." – Irene.  
Mereka mencuba, tapi untuk mencapai bahagia, tangan masih belum mampu menggapainya. Admund harus berada di bumi Malaysia dan Irene di bumi Amsterdam. Lantas, masih adakah persimpangan untuk mereka bertemu? Masih adakah peluang untuk mereka berada di ruang udara yang sama?

## Politics/Current Affairs

Persaingan Politik dan Pilihan Raya : Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018 / (Ed) Mohd Azmir Mohd Nizah  
Kuala Lumpur: ILHAM Book, 2022  
192p.

Includes Index ; Bibliography  
9789672007494

1. Elections – Malaysia.
2. Political culture – Malaysia.
3. Malaysia – Politics and government.

\$ 27.50 / PB

284gm.

Setelah keputusan bersejarah pada 9 Mei 2018 yang menyaksikan buat pertama kalinya Barisan Nasional gagal membentuk Kerajaan Persekutuan apabila tewas kepada Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), persaingan dan pergelutan politik terus-menerus berlaku termasuk dalam 12 siri Pilihan Raya Kecil (PRK) yang terpaksa diadakan atas pelbagai sebab dan faktor.

Namun begitu, semua faktor yang dikenal pasti dalam 12 PRK pada 2018-2020 berterusan menjadi ukuran dan perbincangan, malahan menatijahkan pergolakan parti politik, yang akhirnya membawa sebuah naratif politik tanpa majoriti dalam kalangan parti, yang memaksa parti politik membuat penjajaran-penjajaran yang sangat menarik untuk diteliti dan dibincangkan.

Oleh kerana atmosfera politik yang sangat menarik ini, ia memberi ruang kepada pengkaji, penganalisa politik, parti politik dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya memerhati dan membuat amatan yang sangat baik terhadap perubahan yang berlaku dalam kelakuan pengundi dan memahami apakah faktor-faktor yang memainkan peranan dalam perubahan tersebut.

Buku Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018 ini akan mengupas faktor-faktor perubahan pada arena politik di Malaysia dan ia akan membantu pembaca untuk membuat penilaian dan memilih yang terbaik buat negara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=805244>

---

Politik Sarkis : Malaysia Pasca 9 Mei 2018 / Rahman Imuda (Ed) Salsyahirah

Kuala Lumpur: ILHAM Book, 2022

228p.

9789672007531

\$ 20.00 / PB

264gm.

Pasca 9 Mei 2018, rakyat Malaysia menyaksikan pelbagai senario dan politik sarkis muncul. Dengan kemunculan pandemik terbesar dunia Covid-19, menambah rencah kebejatan yang sudah berlaku. Drama-drama yang bercampur baur antara lucu dan tidak masuk akal dipertontonkan. Buah fikiran dan kritikan yang disuarakan bukan bertujuan menjatuhkan maruah individu atau kelompok parti tetapi sebagai suatu kritikan sosial untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan pimpinan yang berintegriti dan kompeten. Politik mempertaruhkan nyawa dan masa depan rakyat dan ia bukan sekadar lapangan sarkis.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836080>

---

Disaster! : 19 Pengalaman Getir Menghadapi Tragedi dan Bencana / Dr Syamirulah Rahim  
Kuala Lumpur: Kata Pilar Books, 2022  
252p.  
9789672796046  
\$ 13.00 / PB

Malang sentiasa tak berbau.

Bas jatuh ke dalam gaung. Kilang meletus, asap dan jelaga menyelubung. Sungai diracun. Di negara orang, perang meletus. Pesawat hilang di udara. Sekali-sekala gempa bumi menggegarkan alam.

Sekelip mata, nasib manusia berubah. Kehilangan harta, nyawa. Trauma mengekori dan menghantui.

Kita hanya sedar apabila mendengar pembaca berita melapor teks di teleprompter, kaku. Di zaman media sosial, kita baca komen dan tonton video yang berlegar, hanya mampu menggeleng kepala.

Bagaimana jika kita berada di sana, di tempat mereka?

Naskah ini menghulurkan sudut-sudut pandangan mereka yang pernah berdepan situasi getir pelbagai jenis bencana. Ada yang benar-benar menjadi mangsanya. Ada doktor yang menguruskan rawatan. Ada pula wartawan, mengumpul bahan di lokasi.

Nah, pakailah kasut mereka, baca apa yang terlihat di mata. Sejauh mana kita boleh menanggung segala emosi yang tersayat di indera mereka?

<http://www.marymartin.com/web?pid=835022>

---

## Psychology

Cuak : Memahami Rasa Gelisah, Kebimbangan Melampau dan Fikiran Negatif Berpanjangan / Dr. Hazreen A. Rashid (Eds) Fakhur Radzi Ahmad Fuad  
Seri Kembangan, Selangor: Iman Publication Sdn Bhd, 2022  
212p.  
9789672459484  
\$ 15.00 / PB  
250gm.

Jantung berdebar-debar, resah, gelisah dan ada kalanya sukar tidur malam ialah reaksi normal minda dan tubuh kita apabila berhadapan dengan 'ancaman'. Respons ini menjadikan tubuh badan kita lebih bersedia untuk berhadapan dengan situasi yang sukar. Ia tindak balas survival. Walau bagaimanapun, apabila tidak diuruskan dengan baik, respons normal itu akan berlanjutan; seterusnya mengganggu kesihatan emosi dan mental kita. Kita cenderung untuk overthink, hilang motivasi dan sentiasa merasakan diri tidak cukup bagus.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836084>

---

Jurnal : Kelab Hati Yang Tersakiti (Self-Healing Kit) / Nadia Tulis  
Malaysia: White Coat, 2022  
100p.  
9789672705277  
\$ 17.50 / PB

Book Details:

Terkadang kita sebenarnya tidak memerlukan cadangan apatah lagi yang dipanggil solusi dalam menghadapi cabaran, namun cukuplah jurnal menjadi tempat meluahkan rasa, pendengar setia dan penawar luka. Moga-moga "Jurnal Kelab Hati yang Tersakiti" ini dapat membantu kamu untuk belajar mengenali dan menyayangi diri sendiri, juga membenarkan kamu untuk sembuh daripada segala duka masa lalu dan hari ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=835044>

---

## Religion – Islam

Menguruskan Kekayaan Mengikut Al-Quran / Dato' Sri Md. Sharif Shamsuddin  
Kuantan, Pahang: Universiti Malaysia Pahang (UMP Press), 2022  
xii, 118p.  
9789672226796  
\$ 18.00 / PB  
250gm.

Perniagaan ialah salah satu sunnah Rasulullah SAW yang ditinggalkan kepada umat manusia. Akhlak terpuji Rasulullah menjadikan Baginda seorang ahli perniagaan yang terhebat sepanjang zaman. Sehubungan itu, penulis buku ini, Dato' Sri Md. Sharif Shamsuddin menginspirasi akhlak Rasulullah SAW dalam menguruskan perniagaan dan harta beliau. Buku setebal 120 halaman ini mengandungi 23 bab yang memaparkan pengalaman peribadi beliau dalam menguruskan perihal perniagaan dan harta berlandaskan Al-Quran. Semoga kisah ini dapat memberi manfaat dan menambah pengetahuan kepada pembaca dalam selok-belok pengurusan perniagaan mengikut syariah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=807114>

---

Islam Di Negeri Sembilan: Jasa dan Sumbangan Ulama / (Eds) Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Ermy Azziaty Rozali & Farid Mat Zain  
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKMPress), 2022  
2214p.  
Includes Index  
9789672517177  
1. Ulama – Malaysia – Negeri Sembilan.  
2. Muslim scholars – Malaysia – Negeri Sembilan.  
3. Islam – Malaysia – Negeri Sembilan.  
\$ 15.00 / PB  
316gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836092>

---

Tarikh Shaykh Jalal Al-Din : Riwayat Sebuah Kembara Ilmu / Akademi Jawi Malaysia  
Kajang, Selangor: Akademi Malaysia Sdn Bhd, 2022  
xviii, 168p.  
Includes Index  
Malay & Rumi-Arabic Languages  
9789672422310  
\$ 17.50 / PB  
310gm.

"Tārīkh Shaykh Jalal al-Dīn juga menjelaskan kepada kita sistem pengajian tradisional pada zaman tersebut yang diwarithi sehingga sekarang bentuknya serta silibusnya telah berhasil membentuk keperibadian serta ke'ilmuan para penuntutnya. Perkara yang telah menjadi

tajrībah (pengalaman) di dalam sistem pendidikan khususnya pendidikan agama ini sepatutnya diterapkan dan diteruskan di dalam sistem pengajian tinggi agama." -- al-Ustadh Mohd Nazrul Abd Nasir, kata pengantar Tarikh Shaykh Jalal Al-Din

\*\*\*

Buku ini mempersembahkan pengembaraan bersejarah seorang 'ilmuwan Melayu bernama Hāji 'Abdu'Llah bin Hāji Aḥmad atau dikenali sebagai Shaykh Jalāl al-Dīn yang hidup pada awal abad ke-20.

Beliau memiliki semangat menuntut 'ilmu yang tinggi dan bukan sahaja menerokai pelbagai cabang 'ilmu agama, bahkan beliau juga pelbagai 'ilmu dan kemahiran seperti kemahiran pembuatan sabun, 'ilmu kimiya, 'ilmu Bahasa Jawi dan 'ilmu fotografi.

Qisah perjalanannya bermula dari negeri Johor, kemudian ke Fatani dan Kedah sehingga berjaya merentas lautan ke timur tengah, Mesir - semata-mata untuk menuntut 'ilmu.

Menariknya, perjalanan ke'ilmuan beliau sepanjang beberapa tahun diraqam dalam bentuk penceritaan dan juga sha'ir yang indah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=836093>

---

Rahsia Surah Al-Mulk / Abdul Fatah Zakaria (Ed) Nur Hidayah Rosali  
Kuala Lumpur: Rimbunan Islamik Media Sdn Bhd, 2018 (5th Reprint 2021)  
iv, 100p.

9789671502358

\$ 12.00 / PB

152gm.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah, daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda, "Sesungguhnya ada satu surah dalam al-Quran sebanyak tiga puluh ayat yang dapat memberikan syafaat kepada pemiliknya (orang yang membacanya), orang itu akan diampuni dosanya, iaitu surah Tabaarakalladzi Biyadihil Mulku (Surah al-Mulk)."

<http://www.marymartin.com/web?pid=836094>

---

Nabi Adam 'Alaihissalam: Keampunan Allah Ada Untuk Kita Yang Mencari / Azlan Shah Nabees Khan (Eds) Khubaib Muhamad Asmadi & Auni Zainal  
Siri Ibrah & Refleksi Para Nabi

Seri Kembangan, Selangor: Iman Publication Sdn Bhd, 2020

100p.

9789672459019

\$ 15.00 / PB

272gm.

Nabi Adam AS pernah tergelincir melakukan kesilapan kepada Allah SWT. Apatah lagi kita sebagai manusia biasa tentulah tidak terlepas daripada melakukannya.

Kesilapan demi kesilapan yang dilakukan membuatkan kita rasa tiada lagi harapan untuk beroleh keampunan Allah SWT.

Akhirnya, kita simpulkan bahawa berputus asa itulah satu-satunya jalan yang ada.

Hakikatnya, keampunan Allah SWT yang ada buat kita, jauh lebih besar berbanding kemurkaan-Nya. Rahmat Allah SWT sentiasa ada dan terbuka untuk kita kembali kepada-Nya.

Melalui buku ini, Ustaz Azlan Shah menampilkan kisah dan peribadi Nabi Adam AS yang wajar kita contohi. Seorang insan yang melakukan kesilapan, lalu memilih untuk kembali kepada-Nya, lantas dianugerahkan keampunan Ilahi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=790234>

---

